

25/12/1999

Etika kerja menteri (HL)

Jamhariah Jaafar

PUTRAJAYA, Jumaat - Semua menteri diarah menunjukkan kepemimpinan melalui teladan serta melaksanakan tanggungjawab secara bersama, amanah, jujur dan berkesan, selaras matlamat kerajaan ber wawasan.

Arahan itu adalah antara kandungan 13 muka surat berkaitan tanggungjawab menteri dan 14 halaman membabitkan etika yang mesti dipatuhi menteri.

Arahan itu dikeluarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua menteri pada mesyuarat pertama Kabinet 15 Disember lalu.

Antara lain, menteri tidak boleh:

- \* Mempunyai kepentingan dalam perniagaan milik kaum keluarganya;
- \* Menjawat sebarang jawatan dalam perniagaan;
- \* Membabitkan diri dalam sebarang perbincangan membabitkan keluarga masing-masing; dan
- \* Mesti memaklumkan dan keluar dari mesyuarat jika ada perbincangan yang ada hubung kait dengan keluarga masing-masing.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata semua anggota Kabinet harus memahami bahawa kerajaan tidak mahu ada orang mengangap menteri hanya pandai menyuruh pegawai mengamal etika yang baik, sedangkan mereka sendiri melakukan sebaliknya.

"Menteri juga diharap menjalankan kerja dengan telus, rajin dan terbuka, serta mendekati pegawai bawahan mereka," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan, di sini hari ini.

Mesyuarat itu turut dihadiri Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim dan Senator Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Halim Ali.

Abdullah yang membacakan arahan Perdana Menteri itu berkata, semua menteri perlu memastikan setiap program, manakala sebarang kerenah birokrasi yang melambatkan sesuatu projek, perlu dikenal pasti dan diatasi segera.

"Menteri juga bertanggungjawab membuat susulan dan mengetahui kedudukan sebenar pelaksanaan arahan yang disampaikan pegawai dan kedudukan projek serta program yang sudah dirancang.

"Mereka juga hendaklah mengadakan mesyuarat pagi setiap dua minggu sekali, berbincang mengenai pengurusan dan pelaksanaan projek di bawah kementerian masing-masing dan masalah yang ada," katanya.

Beliau berkata, menteri juga perlu memastikan setiap pegawai mempunyai prosedur kerja dan fail masing-masing, serta melaksanakan kerja dengan betul dan tidak lambat.

Abdullah berkata, Perdana Menteri juga mengarahkan supaya sistem pusingan kawalan kualiti (QCC) diaktifkan semula bagi memperbaiki perkhidmatan kepada rakyat.

QCC ialah sistem yang memberi pendekatan untuk menilai prestasi perkhidmatan sesuatu kementerian, terutama mengesan kelemahan membabitkan peraturan, undang-undang dan prosedur lemah atau terlalu remeh.

"Sistem ini akan memberi kesempatan kepada pegawai untuk berbincang sesama mereka mencari jalan bagi sesuatu perkhidmatan itu dapat diperelokkan atau khidmat kepada rakyat dapat dipercepatkan.

"Perkara ini akan memberi kesempatan kepada pegawai yang bekerja di peringkat pelaksanaan untuk mengambil bahagian memperbaiki kualiti. Ini

adalah satu bentuk penyertaan pegawai untuk memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan dasar," katanya.

(END)